

Bermotosikal semarakkan Hari Kebangsaan

PEKAN 15 Ogos - Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan konvoi bermotosikal selama 60 jam melalui negeri-negeri di Semenanjung sebagai inisiatif menyemarakkan sambutan Hari Kebangsaan Ke-60.

Konvoi motosikal berkuasa tinggi itu bakal memulakan perjalanan esok dari Kuantan pada pukul 8 pagi dan dijangka berakhir pukul 8 malam, Jumaat ini.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, peserta konvoi Jelajah Kembara Waqaf Merdeka 60 itu akan mengibarkan Jalur Gemilang sepanjang laluan di samping mempromosikan program Waqaf UMP.

"Sebanyak 15 buah motosikal terlibat sebagai simbolik 15 tahun penubuhan universiti ini. Peserta konvoi akan bertemu dengan orang ramai untuk menyampaikan mesej kemerdekaan dan mempromosikan UMP.

"Pada masa sama, peserta



DAING NASIR IBRAHIM (tengah) bersama peserta dan kakitangan UMP dalam majlis perasmian sambutan Bulan Kemerdekaan peringkat universiti itu di Pekan, semalam. - UTUSAN/AHMAD ZAKKI JILAN

memperkenalkan inisiatif *MyGift* seperti Waqaf Kolej Kediaman Mawaddah dan Masjid UMP kepada masyarakat," katanya selepas merasmikan sambutan Bulan Kemerdekaan peringkat universiti itu di sini hari ini.

Pada majlis tersebut, beliau

turut melakukan simbolik pelepasan konvoi berkenaan dengan melekatkan Jalur Gemilang pada motosikal peserta.

Menurut Daing Nasir, UMP pastinya tidak ketinggalan untuk memeriahkan sambutan yang istimewa berkenaan sebagai mani-

festasi patriotisme terhadap tanah air.

Kata beliau, peranan itu dilihat sebagai tanggungjawab warganegara dalam konteks Malaysia dan UMP, sekali gus sambutan Negaraku Sehati Sejiwa dapat dimaknakan dalam kata sebenar.